

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: COLGIS - Pejabat Pembangunan Pelajar dan Alumni
Sent: Wednesday, August 30, 2017 12:56 PM
To: UUM - All Staff; UUMstudentgroup; UUM - All Students
Cc: Prof. Madya Dr. Rusdi bin Omar; Dr. Mohd Na'eim Bin Ajis; Roshadah Bt Yaacob; Dr. Ani Munirah binti Mohamad
Subject: PROGRAM MOBILITI PELAJAR UUM COLGIS KE PRINCE OF SONGKLA UNIVERSITY, HATYAI, THAILAND



Pejabat Pembangunan Pelajar dan Alumni
STUDENT DEVELOPMENT AND ALUMNI OFFICE
College of Law, Government and International Studies
Universiti Utara Malaysia

"MUAFAKAT KEDAH"

30 OGOS 2017/ 08 ZULHIJAH 1438H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Assalamualaikum & Salam Sejahtera

YBhg. Dato' Seri/Datuk/Dato' /Datin/Y.Brs. Prof/Tuan/Puan

**PROGRAM MOBILITI PELAJAR UUM COLGIS KE PRINCE OF SONGKLA UNIVERSITY,
HATYAI, THAILAND**



PPA UUM COLGIS ONLINE: Seramai 13 pelajar jurusan Undang-undang (LLB) dan Falsafah, Undang-undang dan Perniagaan (BPLB) daripada UUM COLGIS telah menyertai program mobiliti "PSU Law Summer School" di Prince of Songkla University, Hatyai Thailand, selama 2 minggu bermula pada 13 Ogos 2017 sehingga 27 Ogos 2017.

Program tersebut yang turut disertai oleh fakulti undang-undang daripada beberapa universiti seperti Prince of Songkla (Thailand) sendiri, Universiti Utara Malaysia, Universiti Malaya (Malaysia), Universitas Pancasila Jakarta dan Universitas Pasundan Bandung (Indonesia) mengenengahkan pelbagai program bersifat akademik, adat resam dan perkongsian budaya antara negara-negara terlibat.

Antara aktiviti yang diselitkan dalam program "PSU Law Summer School" ini adalah lawatan ke Mahkamah di Songkla dan pertemuan dengan hakim di sana, mempelajari budaya tarian negara Thailand, serta perkongsian budaya Malaysia di Girls' School of Hatyai, di mana delegasi UUM COLGIS telah memperkenalkan makanan, permainan tradisional dan tempat-tempat menarik di Malaysia.

Salah seorang peserta program ini Noor Arifah Ahmadi Putra telah menyatakan: "Saya berbesar hati dengan peluang yang diberikan oleh UUM COLGIS untuk menyertai program PSU Law Summer School ini. Kami telah mempelajari banyak perkara mengenai sistem undang-undang Thailand, perkongsian budaya antara negara-negara yang terlibat (Thailand, Malaysia dan Indonesia) dan juga peluang mempersembahkan tarian sumazau dan menyanyikan lagu 1Malaysia kepada semua peserta semasa aktiviti "Cultural Night".

Program "PSU Law Summer School" telah berakhir dengan bengkel selama dua hari pada 26-27 Ogos 2017 bertajuk: "Legal Ethics and Pro Bono Workshop by Honorable guests from Babsea, Herbert Smith Freehills and DLA Piper". Bengkel ini dipenuhi dengan sesi ceramah dan aktiviti yang membincangkan etika-etika perundangan dan aktiviti 'pro bono' yang diamalkan di kalangan pengamal undang-undang terhadap pihak-pihak yang memerlukan khidmat nasihat guaman.

Dalam pada itu, salah seorang peserta program ini Fathin Delila Hamdan mengatakan: "Bengkel etika perundangan dan 'pro bono' tersebut telah membuka mata saya mengenai peraturan dan amalan yang dilaksanakan oleh seorang peguam, apa yang sepatutnya dibuat oleh peguam, dan perkara-perkara yang patut dielakkan. Terima kasih, UUM COLGIS!"

"UUM COLGIS : WHERE INNOVATION IN GOVERNANCE BEGINS"

=====

Daripada:

Pejabat Pembangunan Pelajar dan Alumni

College of Law, Government and International Studies (COLGIS)

Universiti Utara Malaysia | 06010 UUM Sintok, Kedah | Malaysia

Tel : +6049287805/7806/7807/7808 | Fax : +6049287849 | Email : colgis_pppa@uum.edu.my

Laman Web : <http://ppacolgis.uum.edu.my/> | Facebook : OFFICIAL PPA UUM COLGIS | Twitter : PPA_COLGIS



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood

as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.